



PANDUAN PERMOHONAN PERAKUAN KEKOMPETENAN GAS

[VERSI 2025]

ISI KANDUNGAN

1.	Objektif	3
2.	Skop	3
3.	Tafsiran	3
4.	Prosedur Permohonan Perakuan Kekompetenan Gas.....	4
5.	Syarat-Syarat Kelayakan Pemohon.....	5
6.	Pengeluaran Perakuan Kekompetenan.....	10
7.	Syarat-Syarat Pendaftaran Orang Kompeten	10
8.	Perakuan Kekompetenan Sementara Orang Asing.....	11

1. OBJEKTIF

- 1.1 Panduan ini dibangunkan oleh Suruhanjaya dengan objektif untuk memberi maklumat lengkap kepada pemohon berkenaan prosedur permohonan, syarat-syarat kelayakan, kategori peperiksaan kekompetenan, dan proses pendaftaran sebagai orang kompeten gas

2. SKOP

- 2.1. Panduan ini digunakan sebagai rujukan kepada pegawai ST, kontraktor gas, pemegang lesen gas dan pemohon yang memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon perakuan kekompetenan gas.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Dalam Panduan ini, beberapa terma hendaklah membawa maksud seperti berikut:

“Akta”	bermaksud Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501] dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 501;
“Panel”	bermaksud Panel Pemeriksa yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan orang yang dilantik di bawah Peraturan 91, Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997;
“Orang Asing”	bermaksud orang yang bukan warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia.

4. PROSEDUR PERMOHONAN PERAKUAN KEKOMPETENAN GAS

4.1 Permohonan Peperiksaan

Permohonan peperiksaan hendaklah dibuat melalui sistem dalam talian ST dengan mengisi "Borang Permohonan sebagai Orang Kompeten Gas" bagi semua kategori kekompetenan. Semua dokumen sokongan yang diminta hendaklah dimuatnaik di dalam borang permohonan, iaitu:

- (a) salinan sijil akademik;
- (b) senarai pengalaman bekerja berkaitan yang disahkan oleh orang kompeten yang setara atau lebih tinggi;
- (c) sijil jurutera professional (bagi calon Jurutera Gas);
- (d) salinan sijil kursus yang ditauliah oleh ST (sekiranya ada).

4.2 Fi Proses dan Fi Peperiksaan

Fi proses sebanyak RM20.00 hendaklah dijelaskan semasa menghantar permohonan, manakala fi peperiksaan hendaklah dijelaskan setelah permohonan diterima untuk menduduki peperiksaan seperti jadual dibawah;

KELAS ORANG KOMPETEN	FI PEPERIKSAAN BAGI PERAKUAN KEKOMPETENAN
Jurutera Gas	RM 150.00
Penyelia Kejuruteraan Gas	RM 100.00
Jurugegas Gas Kelas I, II dan III	RM 50.00

4.3 Peperiksaan Kekompetenan

- (a) Pemohon perlu menduduki peperiksaan kekompetenan secara bertulis dan/atau secara lisan (temuduga) yang dikendalikan oleh ST bergantung kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti di Jadual 1;
- (b) Pemohon yang telah lulus kursus yang ditauliah oleh ST, adalah dikecualikan daripada menduduki peperiksaan bertulis.

4.4 Keputusan Peperiksaan

Keputusan akan dimuktamadkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kekompetenan dan akan dimaklumkan melalui sistem.

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON

- 5.1 Syarat-syarat kelayakan pemohon adalah seperti yang termaktub di dalam Peraturan 97(1), Peraturan 98(1), Peraturan 99(1), Peraturan 99(2) dan Peraturan 99(3), Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 (PPBG 1997).
- 5.2 Syarat-syarat permohonan untuk setiap kategori kekompetenan adalah seperti di Jadual 1;

PANDUAN PERMOHONAN PERAKUAN KEKOMPETENAN GAS

KRITERIA CALON:					PEPERIKSAAN YANG PERLU DIDUDUKI:	
NO.	KELAS ORANG KOMPETEN	SYARAT-SYARAT	PENGALAMAN	KELULUSAN KURSUS YANG DITAUHIAH ST	PEPERIKSAAN BERTULIS	PEPERIKSAAN LISAN (TEMUDUGA)
1	Jurutera Gas (JG)	i. Warganegara Malaysia; ii. Memegang ijazah atau kelulusan yang setaraf dengan ijazah dalam kejuruteraan gas, mekanikal, awam, kimia, petroleum, bahan api, elektrik, perlombongan, industri, atau pengeluaran daripada universiti atau institusi yang diiktiraf atau apa-apa ijazah kejuruteraan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya; iii. Calon ialah Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967; iv. Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan;	i. Dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam kerja talian paip pengagihan atau sistem perpaipan gas. ii. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi seperti yang termaktub di dalam Peraturan 97(2), PPBG 1997.	-	√	√
				1. "A Professional Certificate Course in Gas Distribution for Gas Engineer & Gas Engineering Supervisor" anjuran UTM 2. Sarjana Kejuruteraan & Pengurusan Gas (METM) anjuran UTM	-	√

Jadual 1: Syarat-syarat Kelayakan Pemohon

PANDUAN PERMOHONAN PERAKUAN KEKOMPETENAN GAS

KRITERIA CALON:					PEPERIKSAAN YANG PERLU DIDUDUKI:	
NO.	KELAS ORANG KOMPETEN	SYARAT-SYARAT	PENGALAMAN	KELULUSAN KURSUS YANG DITAULIAH ST	PEPERIKSAAN BERTULIS	PEPERIKSAAN LISAN (TEMUDUGA)
2	Penyelia Kuruteraan Gas (PKG)	i. Warganegara Malaysia;	i. Dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam kerja talian paip pengagihan atau sistem perpaipan gas.	-	√	√
		ii. Memiliki ijazah atau diploma dalam kejuruteraan gas, mekanikal, awam, kimia, petroleum, bahan api, elektrik, perlombongan, industri, atau pengeluaran daripada universiti atau institusi yang diiktiraf atau apa-apa ijazah kejuruteraan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;		1. "A Professional Certificate Course in Gas Distribution for Gas Engineer & Gas Engineering Supervisor" anjuran UTM	-	√
		iii. Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan;		2. Sarjana Kejuruteraan & Pengurusan Gas (METM) anjuran UTM		
		i. Warganegara Malaysia;	i. Dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam kerja talian paip pengagihan atau sistem perpaipan gas.	-	√	√
		ii. Memegang ijazah dalam teknologi kejuruteraan gas, mekanikal, awam, kimia, petroleum, bahan api, elektrik, perlombongan, industri, atau pengeluaran daripada universiti atau institusi yang diiktiraf atau apa-apa ijazah teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;		1. "A Professional Certificate Course in Gas Distribution for Gas Engineer & Gas Engineering Supervisor" anjuran UTM	-	√
		iii. Calon ialah Teknologis Kejuruteraan yang berdaftar di bawah seksyen 10C(1), Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015);		2. Sarjana Kejuruteraan & Pengurusan Gas (METM) anjuran UTM		
		iv. Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan;				

Jadual 1: Syarat-syarat Kelayakan Pemohon

PANDUAN PERMOHONAN PERAKUAN KEKOMPETENAN GAS

KRITERIA CALON:					PEPERIKSAAN YANG PERLU DIDUDUKI:	
NO.	KELAS ORANG KOMPETEN	SYARAT-SYARAT	PENGALAMAN	KELULUSAN KURSUS YANG DITAUHIAH ST	PEPERIKSAAN BERTULIS	PEPERIKSAAN LISAN (TEMUDUGA)
3	Jurugegas Gas Kelas I (JGG I)	i. Pemegang Perakuan Kekompetenan sebagai JGG II atau mana-mana Perakuan Kekompetenan yang setaraf;	i. Dua (2) tahun pengalaman bekerja sebagai pembantu kepada JG, PKG atau JGG I atau JGG II dengan menyenggara, mengendali atau mengawal talian paip pengagihan atau sistem perpaipan gas semasa memegang perakuan sebagai JGG II. ii. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi seperti yang termaktub di dalam Peraturan 99(4), PPBG 1997.	-	√	√
				"A Certificate Course in Gas Distribution for Gas Fitters" anjuran UTM	-	√
		i. Memiliki diploma Kursus Teknologi Kejuruteraan Gas daripada Institut Kemahiran Mara, Johor Bahru;	i. Enam (6) bulan pengalaman bekerja sebagai pembantu kepada JG, PKG atau JGG I atau JGG II dengan menyenggara, mengendali atau mengawal talian paip pengagihan atau sistem perpaipan gas. ii. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi seperti yang termaktub di dalam Peraturan 99(4), PPBG 1997.	"Kursus Diploma Teknologi Kejuruteraan Gas" anjuran IKM	-	√

Jadual 1: Syarat-syarat Kelayakan Pemohon

PANDUAN PERMOHONAN PERAKUAN KEKOMPETENAN GAS

KRITERIA CALON:					PEPERIKSAAN YANG PERLU DIDUDUKI:	
NO.	KELAS ORANG KOMPETEN	SYARAT-SYARAT	PENGALAMAN	KELULUSAN KURSUS YANG DITAULIAH ST	PEPERIKSAAN BERTULIS	PEPERIKSAAN LISAN (TEMUDUGA)
4	Jurugegas Gas Kelas II (JGG II)	i. Pemegang Perakuan Kekompetenan sebagai JGG III atau mana-mana Perakuan Kekompetenan yang setaraf;	i. Dua (2) tahun pengalaman bekerja sebagai pembantu kepada JG, PKG atau JGG I atau JGG II dengan menyenggara, mengendali atau mengawal talian paip pengagihan atau sistem perpaipan gas semasa memegang perakuan sebagai JGG III. ii. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi seperti yang termaktub di dalam Peraturan 99(4), PPBG 1997.	-	√	√
				"A Certificate Course in Gas Distribution for Gas Fitters" anjuran UTM	-	√
5	Jurugegas Gas Kelas III (JGG III)	i. Warganegara Malaysia; ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun; iii. Mempunyai kelulusan pendidikan yang sesuai yang ditentukan oleh Panel; iv. Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa kebangsaan;	i. Satu (1) tahun pengalaman bekerja dengan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan gas dengan Kontraktor Gas atau di institusi akademik yang diiktiraf atau Jabatan Kerajaan atau agensi. ii. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi seperti yang termaktub di dalam Peraturan 99(4), PPBG 1997.	-	√	√
				"A Certificate Course in Gas Distribution for Gas Fitters" anjuran UTM	-	√

Jadual 1: Syarat-syarat Kelayakan Pemohon

6. PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN

- 6.1 Pemohon yang Lulus Peperiksaan Kekompetenan, adalah layak di anugerahkan Perakuan Kekompetenan seperti yang termaktub di dalam Jadual Pertama iaitu Borang F dan Borang G, PPBG 1997.
- 6.2 Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan tertakluk kepada sekatan atau tanpa sekatan seperti yang telah dipersetujui oleh panel.

7. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN

- 7.1 Pemegang Perakuan Kekompetenan Gas hendaklah berdaftar dengan ST sekiranya ingin menjalankan kerja atau apa-apa tindakan berhubung dengan Perakuan itu.
- 7.2 Pendaftaran sah selama tempoh dua belas (12) bulan dan hendaklah diperbaharui semula secara tahunan mengikut cara yang ditetapkan oleh ST.
- 7.3 Pemegang Perakuan Kekompetenan Gas tidak boleh membuat apa-apa kerja atau tindakan jika umurnya melebihi 65 tahun. Walaubagaimanapun, had umur seseorang boleh dikecualikan atas dasar tahun ke tahun mengikut budi bicara ST yang boleh menghendaki keterangan perubahan kesihatan orang itu yang diperakui oleh pengamal perubahan berdaftar.
- 7.4 Fi bagi Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran untuk Orang Kompeten seperti yang termaktub di dalam Bahagian II, Jadual Ketiga, PPBG 1997.

KELAS ORANG KOMPETEN	FI PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN
Jurutera Gas	RM 150.00
Penyelia Kejuruteraan Gas	RM 100.00
Jurugegas Gas Kelas I, II dan III	RM 50.00

8. PERAKUAN KEKOMPETENAN SEMENTARA ORANG ASING

8.1 Pendaftaran sementara orang asing

(a) Orang asing boleh dipertimbangkan bagi pengeluaran Perakuan Kekompetenan sementara jika dia memuaskan hati Panel bahawa dia:-

- i) Memiliki kelulusan dan kemahiran yang diiktiraf bagi amalan kejuruteraan gas di negara yang dia biasa mengamalkannya.
- ii) Memiliki kepakaran yang diperlukan dan kehadirannya secara fizikal diperlukan di Malaysia; dan
- iii) Mempunyai permit kerja yang diperlukan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan

(b) Bagi pendaftaran sementara sebagai Jurutera Gas, dia hendaklah berdaftar secara sementara sebagai Jurutera Profesional dengan Lembaga Jurutera di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967;

(c) Perakuan Kekompetenan sementara sah selama tempoh tidak melebihi dua belas (12) bulan;

(d) Perakuan Kekompetenan orang asing yang telah habis tempoh, boleh memohon bagi pembaharuan tertakluk kepada peruntukan PPBG 1997 dan ST boleh memperbaharui Perakuan itu jika difikirkannya perlu.

8.2 Fi bagi Perakuan Kekompetenan sementara bagi orang asing seperti yang termaktub di dalam Bahagian II, Jadual Ketiga, PPBG 1997.

KELAS ORANG KOMPETEN	FI PERAKUAN KEKOMPETENAN SEMENTARA
	ORANG ASING
Jurutera Gas	RM 150.00
Penyelia Kejuruteraan Gas	RM 100.00
Jurugegas Gas Kelas I, II dan III	RM 50.00

